

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

– SEWA BELI



RHB BANK BERHAD (6171-M)
Diperbadankan di Malaysia

Pelanggan Yang Dihormati,
Lembaran Maklumat Produk ini memberikan anda maklumat penting berkenaan produk Sewa Beli. Anda dinasihatkan agar membacanya dan rujuk pegawai pemasaran RHB sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut.

Tarikh : [AppLetterGenDate]

1 Berkenaan Produk Sewa Beli (Konvensional – Kadar Tetap)

- Sewa Beli adalah kemudahan pembiayaan ("Kemudahan") yang membolehkan pelanggan membeli kenderaan bermotor melalui bayaran ansuran bulanan.
- Kemudahan ini dikawal di bawah Akta Sewa Beli 1967.
- Faedah Kemudahan ini dikira pada kadar rata.

2 Ketahui Kewajipan Anda

Nilai kenderaan	:	RM _____	
Margin pembiayaan	:	_____ %	
Jumlah pinjaman	:	RM _____	
Kadar faedah	:	_____ % sama rata	
Kadar hasil berkesan	:	_____ % setahun	
Tempoh pembiayaan	:	_____ tahun	(sehingga 9 tahun)
Tempoh ansuran bulanan	:	_____ bulan	
Ansuran bulanan	:	RM _____	
Ansuran bulan terakhir	:	RM _____	
Jumlah bayaran balik (termasuk jumlah pinjaman)	:	RM _____	

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Perjanjian Sewa Beli	:	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
Perjanjian Variasi (Perubahan) Sewa Beli (atas permintaan)	:	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
Bayaran Pos	:	• RM 3.50 untuk akaun tanpa penjamin • RM 7.00 untuk akaun dengan satu (1) penjamin • RM 10.50 untuk akaun dengan dua (2) orang penjamin

Permintaan untuk mendapatkan semula dan salinan dokumen:

• Penyata Tambahan berkaitan dengan Sewa Beli	:	• RM 10.00 bagi permohonan melalui kaunter bank • RM 3.00 bagi permohonan melalui e-mel
• Permintaan untuk salinan dokumen Sewa Beli	:	• RM 10.00 bagi permohonan melalui kaunter bank • RM 5.00 bagi permohonan melalui e-mel
Salinan Perjanjian Sewa Beli	:	RM 25.00 bagi setiap permohonan

Bagi mengelakkan keraguan, anda hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa), perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan yuran, perbelanjaan atau perlindungan lain berkenaan dengan Kemudahan ini.

Tanggungjawab anda:



Membaca dan memahami **terma dan syarat utama** yang terkandung dalam perjanjian sewa beli sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan secara penuh dan tepat pada masanya, selama [Tempoh Tahun] tahun. Berbicara dengan kami jika anda ingin menyelesaikan pinjaman anda lebih awal.



Anda boleh menghubungi kami, jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran ansuran.

- (a) Sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan anda sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, penalti pembayaran lewat sebanyak 8% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak.
- (b) Sekiranya terdapat 4 kegagalan pembayaran ansuran secara berturut-turut atau jika anda mengingkari notis-notis lewat bayar:
- Kenderaan anda boleh ditarik balik dan anda bertanggungjawab untuk membayar kos-kos yang terlibat.
 - Sekiranya lelongan berlaku dan nilai lelongan adalah kurang dari baki pinjaman yang perlu dibayar, anda bertanggungjawab untuk membayar nilai yang kurang tersebut.
 - Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin akan menjejaskan penarafan kredit anda yang akan menyebabkan anda sukar mendapatkan kredit atau kredit akan menjadi mahal pada masa hadapan.
 - Sekiranya anda gagal menunaikan kewajipan untuk menjelaskan ansuran bulanan atau melanggar terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam Perjanjian Kemudahan, Bank berhak untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan kerugian.

- (a) Insuran kenderaan adalah **wajib**. Anda digalakkan menggunakan perkhidmatan RHB Insurance Berhad. Walaubagaimanapun, anda bebas untuk menggunakan perkhidmatan insurans dari syarikat insuran/operator takaful yang lain.
- (b) Kadar faedah Kemudahan ini adalah tetap dan tidak akan berubah sepanjang tempoh perjanjian. Oleh itu, sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk memenuhi tanggungjawab pembayaran anda dibawah Kemudahan, sila hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- (c) Tiada tempoh penguncian. Anda boleh melakukan penyelesaian awal Kemudahan ini pada bila-bila masa.
- (d) Lawati RHB Online Banking untuk dapatkan e-penyata Kemudahan anda dan membuat pembayaran secara dalam talian.

If you have any questions or require assistance on your financing, you can:



Call us at:
03-9206 8118



Email us at: custserv.autofinop@rhbggroup.com



Scan the
QR code



Visit us at:
<https://www.rhbggroup.com/others/contact-us/index.html>

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah bermula dari tarikh 29 Disember 2025